

Banyakkan peluang kerja OKU

Oleh SITI AINIZA KAMSARI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 MAC

KEMENTERIAN Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyeru pihak majikan memberikan ruang dan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada golongan orang kurang upaya (OKU) di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, kita harus terima hakikat persaingan dalam dunia pekerjaan adalah amat tinggi sekarang.

"Justeru saya berharap agar ada sikap keterbukaan dalam

menggajikan pekerja dengan memberi peluang lebih luas kepada golongan OKU ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Konvokesyen Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Kali Ke-16 di Dewan Perdana PLPP Bangi dekat sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Mohd. Fazari Mohd. Salleh.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Orang Kurang Upaya, Nor Tipah Majin dan Pengarah PLPP, Ismail Arul Raj Amirudin.

Seramai 94 pelajar dan pelatih OKU yang tamat latihan dan kur-

sus di PLPP untuk Sesi 2015/2016 dan 2016/2017, dan dua pelajar dari Nigeria telah berjaya dan menerima sijil masing-masing dalam majlis itu.

Sejak mula beroperasi pada tahun 1999, PLPP berjaya melahirkan seramai 2,062 lulusan OKU dalam pelbagai bidang kemahiran termasuk jahitan, lukisan, membuat, pembuatan kerusi roda dan pengurusan pejabat.

Rohani berkata, sehingga Februari lalu, terdapat sebanyak 460,893 OKU berdaftar di Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dengan 160,000 orang daripadanya adalah OKU fizikal.

Sementara itu, alumni pelatih

PLPP, Nik Azfar Hafiy Nik Hassan, 26, menerima Anugerah Buku Dattuk Seri Rohani Abdul Karim 2018 sebagai alumni PLPP yang berjaya memiliki sebuah salon menggunting rambut dengan seramai tujuh orang pekerja di Putrajaya.

"Ketika saya merupakan pelajar perhotelan di Langkawi, saya mengalami kemalangan jalan raya yang teruk menyebabkan saya termasuk dalam golongan OKU. Sejak itu saya terpaksa menukar bidang dengan mengambil kursus menjahit di PLPP dan kemudiannya mengambil kursus dandanan rambut di dalam dan luar negara iaitu di London," katanya.



MOHD. FAZARI MOHD. SALLEH beramah mesra dengan penerima Anugerah Khusus Menteri, Siti Nur Shubirah Rashid (kiri), Anugerah Ketua Pengarah, Muhammad Arif Azhar (tengah) dan Anugerah Khas Pengarah PLPP, Faridah Muslih (kanan) dalam majlis Konvokesyen Ke-16 Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan (PLPP) Bangi, Selangor semalam. - UTUSAN/BOSNI/MAJLIS